

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

SOALAN NO. 328

Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peratusan kursus diploma Kolej Vokasional (KV) yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan berapa jumlah lepasan diploma KV yang telah mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran ke universiti terutama di negeri Sabah bagi tahun 2017, 2018 dan 10 bulan pertama tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penilaian akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dilaksanakan dalam tiga peringkat iaitu Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan.

Pihak MQA telah menerima 615 permohonan Akreditasi Sementara untuk program Diploma daripada 80 Kolej Vokasional (KV) seluruh Malaysia. Sehingga kini, kesemua 615 program telah melalui penilaian Akreditasi Sementara dan sebanyak 612 program (99.5%) diberi status Perakuan Akreditasi Sementara selama 5 tahun. Manakala 2 program telah ditarik balik oleh Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dan 1 program telah ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi, MQA. Fokus penilaian pada peringkat akreditasi sementara tertumpu pada kesediaan dan kemampuan KV untuk menawarkan program pengajian berkualiti kepada pelajar. Peringkat ini penting bagi memastikan program pengajian telah memenuhi keperluan kualiti yang minimum dari aspek kurikulum, staf

akademik, sumber pendidikan dan sebagainya. Dengan perakuan ini, pihak KV boleh membuat permohonan untuk Akreditasi Penuh setelah program mencapai kematangan atau sebelum pelajar bergraduasi.

Pada peringkat Akreditasi Penuh, MQA telah menerima 428 (Fasa I - 66 program dan Fasa II - 362 program) program untuk penilaian. Daripada jumlah tersebut, 97 program (22.7%) telah mendapat Akreditasi Penuh, 151 (35.3%) program tolak Akreditasi Penuh dan 180 program (42%) telah ditarik balik penilaian oleh BPLTV.

Setiap program yang memperoleh Akreditasi Penuh perlu melalui fasa audit pematuhan selepas tempoh 5 tahun bagi memastikan kualiti program pengajian terus dikekalkan. Jaminan kualiti penting untuk kesinambungan program dan kebolehpasaran graduan di samping menjaga kepentingan pihak pemegang taruh khususnya pelajar dan ibubapa.

Senarai program yang mendapat Akreditasi Sementara MQA boleh disemak di <http://www2.mqa.gov.my/pasp/> manakala program yang mendapat Akreditasi Penuh MQA disenaraikan di Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) di <http://www.mqa.gov.my/mqr/>.

Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dilaksanakan di kolej vokasional (KV), KPM telah berjaya melahirkan graduan pertamanya bermula pada tahun 2016. Secara keseluruhannya, sehingga kini lepasan KV mendapat sambutan yang baik oleh industri di mana graduan tahun 2016 (100%) kebolehpasaran, graduan 2017 (96.7%) dan graduan 2018 (87.05%). Bagi jumlah calon lepasan DVM yang ditawarkan melanjutkan pengajian ke universiti pula adalah seramai 202 orang pada Sesi Akademik 2019/2020, 20 orang pada Sesi Akademik 2018/2019 dan seorang pada Sesi Akademik 2017/2018. Manakala, tiada calon lepasan Diploma Vokasional Malaysia dari negeri Sabah yang ditawarkan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda pada Sesi Akademik 2017/2018, 11 orang pada Sesi Akademik 2018/2019 dan 33 orang pada Sesi Akademik 2019/2020.